



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

Misi Topi Bulat

TUGAS KITA ADALAH UNTUK MENCUBA

By

Syazuani Mohd Shariff

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

syazuani@uitm.edu.my

EDITOR: NURSYAZNI ABDUL RAHIM

COVID dan PKP... Dugaan datang lagi, tapi, apa yang datang, kita sambut... apa yang halang, kita redah...

2021

Memang menuntut ilmu itu penuh dengan dugaan. Nyatanya, lambungan ombak dimusim tengkujuh itu tinggi dan deras, namun meninggalkan kapal, sama sekali tidak! Segala apa yang telah direncanakan, harus terus berjalan. Biarpun lewat! Kerana hidup ini perjalanan dan bukanlah perlumbaan.

Tewas? Demikian lumrah perjalanan hidup... Menjadi kuat itu bukan pilihan, tetapi kewajiban!

“Seseorang yang tumpul otak tetapi tidak berputus asa, lebih berhasil, daripada seseorang yang cerdas tetapi malas.”

“Kehidupan masa lalu laksana tenunan yang bersambung menjadi layar untuk memandu ke masa depan.” - Buya Hamka.

2019


Satu garis masa yang memberi tempoh untuk membuat loncatan keluar daripada zon selesa. Ibarat *gas lighting*, perubahan yang ada pun, sekiranya kita menyesuaikan diri, lama-lama menjadi barah.

“Jangan takut jatuh, kerana orang yang tidak pernah memanjat tidak pernah jatuh.” - Buya Hamka.

2020

“Kalau kerja sekadar kerja, babi di hutan juga kerja, kalau hidup sekadar hidup, kera di hutan juga hidup.”

Keluar dari zon selesa... Bergelar calon PhD. Walaupun begitu, terlalu banyak sangat dugaan. Adat hidup, kalau putih katanya, putih jua yang diinginkannya. Bertetap lah pada keputusan yang ada.



Gambar 1: Suka duka tempat bermain.

Lokasi: Tanah Bencah, UMT, Terengganu.



Gambar 2: Tempat jatuh lagi dikenang, ini kan pula tempat bermain. Lokasi: Tanah Bencah, UMT, Terengganu

2022

Bagai anak kecil mendapat gula-gula, sisa semangat yang masih ada, dijaga dan dipupuk sendiri sedikit demi sedikit. Berhujan, berpanas, berselut demi pengetahuan, demi kerjaya, dan yang paling penting adalah demi diri sendiri...

Telah keluar sosok tubuh ini dari keselesaan pejabatnya, sanggup bertemankan biawak, memerang, ular, sesekali terserempak jua dengan penjaga hutan, sang babi.

Setiap yang dimulai, perlu diakhiri... Dengan izin dari-NYA.

2023

Realitinya, turun dan naik semangat itu normal, rajin dan malas itu juga normal. Boleh jadi hari ini produktif, mungkin esok pula berlaku saja culas. Itu semua normal...

Cuma harapan agar kaki terus menapak walaupun di tanah penuh duri, di lautan mungkin lemas, di angkasa mungkin jatuh. Hidup perlu terus!

“Tugas kita bukanlah untuk berhasil, tugas kita adalah untuk mencuba, kerana mencuba itulah kita menemukan kesempatan untuk berhasil.”

Wassalam.

Syazuani Binti Mohd Shariff